

Rezeki hasil kayu arang

» *Perniagaan jana pendapatan lumayan, permintaan tinggi setiap kali Ramadan dan Syawal*

Oleh **Jauhariatul Akmal Johar**
bhrita@bh.com.my

Biarpun pembuatan arang dianggap bukan satu perusahan 'glamor', namun setiap kali ketibaan musim Ramadan dan menjelang Aidilfitri, permintaan terhadap bahan bakar itu meningkat berlipat kali ganda.

Bagi keluarga Che Zainab Deraman, 60, dari Kampung Bendang Ikan, di Rantau Panjang menyifatkan perusahan kayu arang sememangnya menjanjikan pulangan lumayan sehingga tidak menangan melaani permintaan pelanggan, terutamanya sejak sebulan lalu.

Katanya, membakar kayu memerlukan ketekunan dan kerja yang teliti kerana ia memerlukan pengawasan hampir sepanjang masa. Semua kerja dijalankan pula adalah secara manual tanpa bantuan sebarang mesin moden.

"Membuat kayu arang bukanlah sesuatu yang mudah, lebih-lebih lagi apabila semuanya masih menggunakan kaedah tradisional dengan mengekalkan petua warisan keluarga kami.

"Seandainya tersilap langkah dan tidak dibuat secara teliti, arang kayu yang dihasilkan nanti kurang berkualiti, selain sukar untuk menjadi bara apabila digunakan untuk membakar," katanya.

Perniagaan membuang kayu arang ini juga memerlukan kudrat



Che Zainab menunjukkan pelbagai jenis kayu yang dimasukkan ke dalam relau untuk dijadikan kayu arang.

[FOTO JAUHARIATUL AKMAL JOHAR / BH]

daripada runtuh dan mampu menampung kuantiti kayu semasa menghasilkan arang," katanya.

Che Zainab berkata, beliau memperoleh bekalan pelbagai jenis kayu seperti rambutan, getah, halban dan gelam daripada penduduk sekitar, selain daripada penebang kayu

Terpaksa hadkan permintaan

Beliau berkata, pendapatan bersih hasil perusahan kayu arang pada hari biasa mencecah RM2,000 sebulan hasil jualan pada kadar RM1.80 sepaket.

"Namun, sepanjang puasa kami mampu meraih pendapatan bersih sehingga RM10,000 sebulan hanya

“
Ketibaan Ramadan dianggap sebagai bulan rezeki kerana ketika ini permintaan arang meningkat

Che Zainab yang meneruskan perusahaan kayu arang itu bersama suami, Mohamad Zali Daud, 63, dengan dibantu lapan anak dan menantunya yang tinggal berdekatan menyifatkan, mereka mungkin satu-satunya keluarga yang masih aktif mengusahakan pembuatan bahan bakar berkenaan.

Bukan tugas mudah

Che Zainab berkata, beliau tidak kekuk untuk membuat kayu arang secara tradisional yang sebelum ini diusahakan arwah bapa mentuanya, Daud Senik sejak tahun 1950-an, sebelum usaha itu diperturunkan kepada anak-anaknya.

dan tenaga manusia yang banyak, tidak seperti perusahaan lain. Malah, proses untuk menghasilkan kayu arang adalah rumit, daripada membuang kulit kayu hinggalah mengeringkannya di dapur arang.

Ramadan bulan rezeki

Ibu kepada 10 anak itu berkata, kerja menghasilkannya bermula daripada mengutip kayu sehinggalah mengeluarkan arang daripada relau.

“Relau berbentuk iglu diperbuat daripada batu-bata dan tanah lumpur dengan menggunakan kaedah tertentu bagi mengelak

dari kawasan sekitar negeri ini. “Kayu bakau antara kayu yang mampu menghasilkan arang bermutu tinggi, namun kini sukar untuk mendapatkan kayu jenis itu menyebabkan apa sahaja kayu mudah terbakar digunakan.

“Ketibaan Ramadan dianggap sebagai bulan rezeki kerana ketika ini permintaan arang meningkat terutamanya bagi peniaga kuih-muih tradisional seperti akok dan bahu, selain bagi penyediaan lauk-pauk panggang mahupun membakar sate,” katanya.

sehingga RM10,000 sebulan hanya berbekalkan tiga relau yang masih berfungsi.

“Setiap relau hanya mampu memproses enam hingga 10 tan kayu yang mengambil masa antara tujuh hingga sembilan hari bagi memastikan arang benar-benar masak,” katanya.

“Saya terpaksa mengehendkan permintaan pelanggan kerana terlalu banyak tempahan dibuat. Pada masa sama, kami bercadang untuk menambah dua lagi relau bagi memenuhi permintaan pelanggan dari seluruh negara,” katanya.

terutamanya bagi peniaga kuih-muih tradisional seperti akok dan bahu, selain bagi penyediaan lauk-pauk panggang mahupun membakar sate”

Che Zainab Deraman,
Pengusaha kayu arang



Che Zainab **mengeluarkan kayu arang** daripada relau berbentuk iglu diperbuat daripada batu-bata dan tanah lumpur.



Kayu arang dibungkus dan **dijual RM1.80 sepaket** di Kampung Bendang Ikan, Rantau Panjang.